

1983

KUALA LUMPUR, 19 DIS. (BERNAMA) -- PENGSWASTAAN SETENGAH-SETENGAH PERKHIDMATAN AWAM TIDAK BERERTI YANG PARA PENGGUNA TERPAKSA MEMBAYAR KOS SESUATU BENDA ATAU PERKHIDMATAN ITU LEBIH TINGGI, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

SEBALIKNYA, TAMBAH PERDANA MENTERI, PARA PENGGUNA MUNGKIN MEMBAYAR KURANG KERANA SEKTOR SWASTA LEBIH CEKAP PENGURUSAN DAN MENGENDALIANNYA.

KETIKA BER CERAMAH DALAM DIALOG SETELAH MERASMIKAN SEMINAR CUEPACS MENGENAI PENGSWASTAAN DI SINI, BELIAU MENEKANKAN PENDAPATNYA BAHAWA SEKTOR SWASTA ADALAH LEBIH CEKAP DAN LEBIH TERURUS DARIPADA SEKTOR AWAM.

KATANYA DI NEGARA-NEGARA MAJU SEPERTI JEPUN JUGA, SEKTOR SWASTA ADALAH LEBIH CEKAP DARIPADA SEKTOR AWAMNYA, DAN DENGAN ITU SESEBUAH FIRMA YANG DIKENDALIKAN DENGAN CEKAP DAN TERURUS AKAN MENGELUARKAN BARANGAN PERKHIDMATAN YANG LEBIH MURAH.

BELIAU MEMBERI CONTOH SEPERTI ALAT PERAKAM VIDEO (VTR) YANG PADA MULANYA DIKELUARKAN BERHARGA \$5,000 TIAP-TIAP SEBUAH.

TETAPI APABILA SYARIKAT TERSEBUT, SETELAH DIRANGSANG KEUNTUNGAN, BERUSAHA MENDAPATKAN PASARAN LEBIH LUAS IA MENJALANKAN PENGELUARAN SECARA BESAR-BESARAN DENGAN KOS DAN HARGA LEBIH RENDAH. KEUNTUNGAN YANG KURANG DARIPADA SETIAP UNIT DIPEROLEHI KEMBALI DARIPADA JUMLAH JUALAN YANG BESAR.

-- LAGI 1522/AZ

MAHATHIR - PERKHIDMATAN 2 KUALA LUMPUR

AKIBATNYA HARI INI SEBUAH ALAT PERAKAM VIDEO BOLEH DIBELI DENGAN HARGA KIRA-KIRA \$2,000. TETAPI SEKIRANYA ALAT ITU DIHASILKAN OLEH SEBUAH FIRMA AWAM, SEBUAH ALAT PERAKAM VIDEO MUNGKIN BERHARGA ANTARA \$7,000 DENGAN \$8,000 SEBUAH.

PERDANA MENTERI SECARA BERSELOROH MENAMBAH BAHAWA BAGI SEKTOR SWASTA MALAYSIA PERKARA YANG PERTAMA SEKALI YANG AKAN DILAKUKAN MEREKA IALAH MEMINTA +PERLINDUNGAN+ DARIPADA KERAJAAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENEKANKAN BAHAWA KERAJAAN TIDAK AKAN MENGORBANKAN HAK-HAK PEKERJA APABILA KONSEP PENGSWASTAAN ITU DIJALANKAN.

KATANYA PERTANYAAN PENTING YANG DIKEMUKAKAN OLEH KERAJAAN IALAH SAMPA ADA SEKTOR SWASTA AKAN MEMBAYAR GAJI DAN FAEDAH YANG SAMA SEPERTI DIBAYAR OLEH SEKTOR AWAM, DAN INILAH SEBABNYA MENGAPA SEKTOR SWASTA TIDAK MEREPUT PELUANG TERSEBUT.

KATANYA SOAL SEKTOR SWASTA HANYA MENGAMBIL PERKHIDMATAN PERKHIDMATAN SEKTOR AWAM YANG MENGUNTUNGAN TIDAK TIMBUL.

-- LAGI 1525/AZ

NNNN

TCZC 0583

MAHATHIR-PERKHIDMATAN 3 KUALA LUMPUR

MISALNYA, BAGI KERETAPI TANAH MELAYU, PERKHIDMATAN YANG HENDAK DISWASTAKAN IALAH SELURUHNYA DAN BUKAN PERJALANAN-PERJALANAN YANG LEBIH MENGUNTUNGAN DI PANTAI BARAT SEMENANJUNG MALAYSIA.

MERUJUK KEPADA SOAL KEMISKINAN YANG DITIMBULKAN OLEH PRESIDEN CUEPACS ENCH AHMAD NOR DALAM UCAPANNYA, DATUK SER DR MAHATHIR MENGULANGI BAHAWA +KEMISKINAN MUTLAK+ TIDAK WUJUD DI NEGARA INI.

KATANYA APABILA DISEBUT PARAS PENDAPATAN DAN KEMISKINAN DI NEGARA INI, SESEDRANG ITU HANYA MEMPERKATAKAN UKURAN STASTIKAL UNTUK MENILAI PENDAPATAN RAKYAT YANG KEMUDIANNYA MENJADIKAN KERAJAAN BERUSAHA LEBIH KERAS UNTUK MEMPERBAIKINYA.

DI SAMPING ITU, TAMBAHNYA, ADA RESAM NEGARA INI AKAN MEMASTIKAN BAHAWA JIRAN SEBELAH RUMAH SESEORANG ITU TIDAK AKAN MATI KEBULURAN. +BELUM ADA ORANG MATI KEBULURAN DI MALAYSIA.+

-- BERNAMA 1527/AZ

PARA AKHIR HARAP BACA....ADAT RESAM NEGARA INI....